



SPESIFIKASI PROGRAM

Nama Program	Diploma Teknologi Maklumat	
Penganugerahan	Diploma Teknologi Maklumat	
Tempoh Pengajian	Minimum	Maksimum
	6 semester	10 semester

Syarat Kemasukan

Dasar kemasukan bagi mengikuti kursus ini adalah:

1. Calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf

Syarat Am Universiti:

Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya LIMA (5) kepujian termasuk Kepujian (Gred C) dalam Bahasa Melayu dan Lulus (Gred E) Bahasa Inggeris.

Syarat Khas Program:

- i. Kepujian (Gred C) Matematik Tambahan
- ii. Kepujian (Gred C) Matematik
- iii. Mendapat kepujian (Gred C) dalam DUA (2) mata pelajaran berikut:
 - a. Teknologi Maklumat
 - b. Asas Pemprosesan Maklumat
 - c. Pengajian Keusahawanan
 - d. Ekonomi Asas
 - e. Prinsip Akaun
 - f. Perdagangan
 - g. Reka Cipta
 - h. Fizik
 - i. Kimia
 - j. Biologi
 - k. Sains Tambahan
 - l. Sains
 - m. Teknologi Kejuruteraan
 - n. Teknologi Elektronik
 - o. Teknologi Elektrik
 - p. Produksi Multimedia
 - q. Grafik Berkomputer
- iv. Calon tidak rabun warna dan tidak cacat anggota yang menyukarkan kerja amali.



SPEKIFIKASI PROGRAM

2. Lulusan Sijil

Syarat Am Universiti:

Lulus dan memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengan mendapat kepujian Bahasa Melayu dan lulus Bahasa Inggeris.

Syarat Khas Program:

- i. Lulus dan memiliki sijil dalam bidang yang berkaitan dari Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya CPA (Purata Himpunan Mata Nilai) 2.50.
- ii. Calon tidak rabun warna dan tidak cacat anggota yang menyukarkan kerja amali

Objektif Pendidikan Program

Objektif Pendidikan Program ini adalah seperti berikut:

1. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dalam bidang ICT untuk memenuhi keperluan spesifikasi kerja.
2. Melaksanakan tanggungjawab sebagai pengaturcara bagi membantu menyelesaikan masalah dengan kritis, efektif, inovatif dan berorientasikan pasaran.
3. Berperanan dengan efektif secara individu atau berkumpulan untuk menyampaikan maklumat dalam organisasi dan komuniti.
4. Mengamalkan nilai-nilai murni secara profesional dan beretika di dalam komuniti dan berupaya bertindak sebagai pemimpin.

Hasil Pembelajaran Program

Sebaik sahaja menamatkan pengajian ini, seseorang graduan itu dapat:

1. Menjelaskan proses kerja dalam pengurusan dan pembangunan projek ICT berpandukan Kitar Hayat Pembangunan Perisian (C2).
2. Membangunkan perisian ICT yang mesra pengguna. (P3).
3. Berkomunikasi dalam bentuk pertuturan dan penulisan untuk menyampaikan maklumat, permasalahan serta penyelesaian kepada masalah secara berkesan. (A2)
4. Mengaplikasikan pengetahuan, prinsip dan kemahiran dalam bidang ICT untuk menyelesaikan masalah secara kritis. (C3)
5. Berperanan dengan efektif secara individu atau berkumpulan. (A2).
6. Mengenalpasti pengetahuan dan teknologi terkini untuk pembangunan diri dan organisasi secara berterusan. (C2)
7. Mengamalkan ciri-ciri keusahawanan bagi pembangunan kerjaya. (P3)
8. Melaksanakan tanggungjawab secara profesional dari aspek sosial, etika dan kemanusiaan. (A3)
9. Melaksanakan tanggungjawab kepimpinan dengan efektif. (A3).



Struktur Program

Kod	Kursus	Kredit	Kuliah	Tutorial	Amali	JJP
UWB1**02	Foreign Language	2	2	1	0	3
UWB10101	English For Academic Purposes	1	1	1	0	2
UWB10402	Technical Communication I	2	2	1	0	3
UWA10402/ UWA10202	Pengantar Pengajian Islam/Moral	2	2	0	0	2
UWA10502	Aqidah Ketuhanan & Sains	2	2	0	0	2
UWS10403	Pengantar Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia	3	3	0	0	3
UWB20502	Technical Communication II	2	2	1	0	3
UQ*1**01	Ko-Kurikulum 1	1	0	0	3	3
DAS10103	Algebra	3	3	1	0	4
DAS20502	Statistik	2	2	1	0	3
DAT10303	Asas Sistem Pengoperasian	3	2	0	3	5
DAT10403	Asas Senibina Komputer	3	2	0	3	5
DAT10503	Pengenalan Kepada Teknologi Maklumat	3	2	0	3	5
DAT10603	Prinsip Pengaturcaraan	3	2	0	3	5
DAT11004	Pengaturcaraan	4	3	0	3	6
DAT11403	Konsep Multimedia	3	2	0	3	5
DAT20104	Struktur Data	4	3	0	3	6
DAT20203	Asas Analisis & Reka Bentuk Sistem	3	2	0	3	5
DAT20404	Pangkalan Data	4	3	0	3	6
DAT20504	Prinsip Pengaturcaraan Berorientasikan Objek	4	3	0	3	6
DAT20603	Sistem Maklumat Pengurusan	3	2	0	3	5
DAT20702	Perakaunan dan Kewangan	2	2	0	0	2
DAT21203	Asas Rangkaian Komputer	3	2	0	3	5
DAT21402	Kemahiran Teknologi Maklumat	2	0	0	6	6
DAT21502	Etika Profesional Teknologi Maklumat	2	2	0	0	2
DAT32403	Pengaturcaraan Berasaskan Web	3	2	0	3	5
DAT32504	Pembangunan Aplikasi E-Dagang	4	3	0	3	6
DAT32203	Pemodelan dan Animasi 3D	3	2	0	3	5
DAT33204	Pengaturcaraan Java	4	3	0	3	6
DAT33909	Latihan Industri	9	0	0	0	9
DPK20103	Perniagaan dan Keusahawanan	3	3	1	0	4
	JUMLAH	92	63	7	57	136



Matrik dan Pemetaan Hasil Pembelajaran Program – Kursus

Bil	Kod	Kursus	Hasil Pembelajaran Program																	
			LO1		LO2		LO3		LO4		LO5		LO6		LO7		LO8		LO9	
			1	2	1	2	1	2	1	2	1	2	1	2	1	2	1	2	1	2
1	UQ*1**01	Ko-Kurikulum 1			x						x		x							
2	UWA10402/ UWA10202	Pengantar Pengajian Islam / Pengajian Moral	x				x												x	
3	UWA10502	Aqidah, Ketuhanan dan Sains	x				x												x	
4	UWB1**02	Foreign Language	x				x						x							
5	UWB10101	English For Academic Purposes	x				x												x	
6	UWB10402	Technical Communication 1	x				x						x							
7	UWB20502	Technical Communication 2	x				x						x							
8	UWS10403	Pengantar Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia	x										x							x
9	DAS10103	Algebra	x						x				x							
10	DAS 20502	Statistik	x						x				x							
11	DAT 10303	Asas Sistem Pengoperasian	x				x						x							
12	DAT 10403	Asas Senibina Komputer	x						x				x							
13	DAT 10503	Pengenalan Kepada Teknologi Maklumat	x														x		x	
14	DAT 10603	Prinsip Pengaturcaraan	x						x		x									
15	DAT 11004	Pengaturcaraan			x				x		x									
16	DAT 11403	Konsep Multimedia			x						x						x			
17	DAT 20104	Struktur Data			x				x		x									
18	DAT 20203	Asas Analisis & Reka Bentuk Sistem			x		x		x											
19	DAT 20404	Pangkalan Data			x				x		x									
20	DAT 20504	Prinsip Pengaturcaraan Berorientasikan Objek			x				x		x									
21	DAT 20603	Sistem Maklumat Pengurusan	x										x							x
22	DAT 20702	Perakaunan dan Kewangan	x														x		x	
23	DAT 21203	Asas Rangkaian			x		x						x							
24	DAT 21402	Kemahiran Teknologi Maklumat			x								x						x	

SPESIFIKASI PROGRAM

Kaedah Penyampaian

Program akademik ini disampaikan menggunakan pelbagai kaedah untuk memenuhi hasil pembelajaran kursus dan secara am dapat menyediakan peluang pembelajaran secara berpusat. Kaedah-kaedah tersebut ialah:-

1. Sesi kuliah/pembelajaran formal.
2. Sesi latihan amali dan aplikasi: kerja makmal/amali, demonstrasi, simulasi sistem.
3. Seminar bersama industri dan lawatan.
4. Pembelajaran berasaskan masalah/Pembelajaran berdasarkan kes.
5. Projek individu atau berkumpulan/Pembentangan.
6. E-pembelajaran.

Kaedah Penilaian

Penilaian secara formatif dan sumatif terdiri daripada:

1. Peperiksaan bertulis.
2. Ujian/kuiz.
3. Tugas individu/berkumpulan.
4. Pembentangan tugas/projek.
5. Ujian praktikal/amali.
6. Laporan makmal/amali.
7. Pemantauan kelompok dinamik dan kemahiran.
8. Buku log projek
9. Portfolio kemahiran.
10. Penilaian Latihan Industri.

Syarat Penganugerahan Program

Syarat penganugerahan program ialah :

1. Pelajar memohon penganugerahan dan permohonannya mendapat perakuan Fakulti/Pusat;
2. Telah lulus dalam semua mata pelajaran yang diwajibkan bagi keperluan program;
3. Memperoleh jumlah Kredit Dapat yang telah ditetapkan dan memperoleh Kedudukan Baik (KB);
4. Mendapat kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
5. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Penganugerahan Ijazah atau Diploma dalam tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti;
6. Mendapat kelulusan dan pengesahan penganugerahan oleh Senat.

SPESIFIKASI PROGRAM

Peluang Kerjaya

Graduan bagi program Diploma Teknologi Maklumat mempunyai peluang kerjaya dalam persekitaran kerja terutamanya yang melibatkan bidang pengkomputeran. Suasana pembelajaran yang kondusif dengan penekanan kepada konsep pembelajaran secara praktikal membolehkan graduan daripada program akademik ini bekerja di dalam sektor kerajaan mahupun swasta. Di antara jawatan yang boleh disandang oleh graduan adalah sebagai pengaturcara program komputer, pembantu juru analisa sistem, pembangun aplikasi atau laman web, juruteknik, pegawai sokongan teknologi maklumat. Selain daripada itu, dengan pengiktirafan yang telah dibuat oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia serta MQA, graduan juga layak menyambung pengajian diperingkat Sarjana Muda di mana-mana universiti sama ada di dalam atau di luar negara sekiranya memiliki keputusan akademik yang memenuhi syarat yang ditetapkan.

Maklumat Berkaitan

(Pensyarah / Fasilitators / Projek / Kumpulan Sasaran / Yuran / dll)

1. Tenaga Akademik

Pensyarah yang mengajar mata pelajaran wajib universiti dan mata pelajaran sokongan adalah terdiri daripada staf akademik di Fakulti Sains, Sastera dan Warisan (FSSW), Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Multimedia (FTMM) dan Pusat Kokurikulum, Sukan dan Kebudayaan (PKSK). Pensyarah yang mengajar mata pelajaran teras dan pengkhususan program adalah terdiri daripada staf akademik di Pusat Pengajian Diploma (PPD).

2. Kumpulan Sasaran

Program Akademik ini disasarkan kepada dua golongan utama iaitu para pelajar lepasan Sijil daripada politeknik atau setaraf dengannya dan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia.

3. Konsep Pendidikan

Program ini adalah berkonsepkan sistem *practice-oriented* dan *Outcome Base Education* (OBE) dimana pelajar akan menjalani latihan secara teori dan praktikal di universiti selama 6 semester dan di industri selama 18 minggu.

4. Yuran

Kadar yuran bagi program ini adalah sebanyak RM 400 (Yuran Sekali Sepanjang Pengajian) dan Yuran Berulang Per Semester dengan yuran asrama: RM 1323 (bagi pelajar tempatan).

Disediakan oleh

Disahkan Oleh

.....
Miswan Bin Surip
Ketua Jabatan Teknologi Maklumat
Pusat Pengajian Diploma
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Tel: 07-4538693

.....
Profesor Hj. Ab. Aziz bin Abdul Latiff
Dekan
Pusat Pengajian Diploma
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Tel: 07-4538557

Tarikh: 01 April 2010

Tarikh: 01 April 2010

Nota: Maklumat adalah benar pada waktu percetakan dan boleh di ubah pada bila-bila masa